

SULIT

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

Nov/Dis 2022

 $2\frac{1}{2}$ jamPEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

PRINSIP PERAKAUNAN

TINGKATAN 5

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.
3. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan..
4. Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik..

Kertas Soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1. (a) Nyatakan prinsip, konsep dan batasan perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:
- (i) Kilang Kain Delima membuat keputusan membeli sebuah mesin tenun kain yang lebih canggih dan dijangka lebih menjimatkan kos penyelenggaraan kilang untuk beberapa tahun akan datang.
 - (ii) Sebuah kenderaan perniagaan dibeli oleh Kedai Hamid pada tahun 2019 dengan harga RM75 000. Selepas 3 tahun, kenderaan tersebut mengalami kejatuhan harga kepada RM60 000. Dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kedai Hamid pada tahun 2021, kenderaan tersebut tetap direkodkan sebagai RM75 000.
- [2 markah]
- (b) Kadar bayaran yang perlu dijelaskan oleh Ilham Bekal bagi tempoh setahun ialah RM5 000 tetapi jumlah yang telah dibayar sehingga akhir tahun perakaunan adalah RM4 000.
- (i) Berapakah nilai belanja yang akan direkod mengikut :

Asas tunai	
Asas akruan	

[2 markah]

- (ii) Nyatakan catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan mengikut :

Asas tunai	
Asas akruan	

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

SULIT**3756/2**

- (c) Maklumat berikut diambil daripada Perkongsiaan Jaya pada 31 Oktober 2021. Mereka bersetuju membubarkan perkongsian.

	RM
Jumlah aset (termasuk bank RM2 000)	42 000
Akaun Belum Bayar	3 520
Belanja realisasi	1 000
Maklumat Tambahan:	
Pada 1 November 2021, aset tersebut telah direalis pada harga RM36 520.	

Hitung rugi realisasi Perkongsian Jaya.

[2 markah]

- (d) Ilham Bekal Bhd mempunyai modal diterbitkan yang terdiri daripada 100 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.50 sesyer dan 200 000 unit Syer Biasa pada harga RM2.00 sesyer. Pada akhir tahun kewangan, lembaga pengarah syarikat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 5 sen sesyer atas Syer Biasa.

Hitung jumlah dividen bagi Ilham Bekal Bhd.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

2. Afiq dan Khairil merupakan pekongsi dalam Perkongsian A & K yang beroperasi di Kuantan, Pahang.

Berikut adalah ikatan perjanjian yang dipersetujui :

- (i) Afiq dan Khairil masing-masing layak menerima gaji sebanyak RM300 sebulan
- (ii) Faedah atas Modal adalah 10% setahun
- (iii) Faedah akan dikenakan ke atas ambilan sebanyak 5% setahun
- (iv) Faedah atas Pinjaman 8% setahun
- (v) Untung atau rugi perkongsian dibahagikan mengikut nisbah modal

Berikut adalah Imbangan Duga perkongsian yang disediakan pada 31 Disember 2021:

Perkongsian A & K Imbangan Duga Pada 31 Disember 2021		
	Debit RM	Kredit RM
Modal: Afiq		50 000
: Khairil		50 000
Akaun Semasa: Afiq		2 000
: Khairil		2 422
Jualan		73 500
Belian	55 000	
Inventori pada 1 Januari 2021	2 200	
Gaji Pekerja	3 500	
Belanja Pentadbiran	1 970	
Insurans	4 800	
Premis	105 000	
Sewa		3 550
Akaun Belum Bayar		870
Akaun Belum Terima	4 350	
Peruntukan Hutang Ragu		80
Perabot (kos)	9 000	
Susut Nilai Berkumpul Perabot		900
Lengkapan (kos)	10 000	
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		500
Bank	6 802	
Pinjaman Afiq		20 000
Faedah atas Pinjaman	1 200	
	<u>203 822</u>	<u>203 822</u>

[Lihat halaman sebelah

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori akhir dinilai RM2 600 pada nilai pasaran dan RM3 000 pada nilai kos.
- (ii) Tarikh tamat tempoh insurans tahunan pada 28 Februari 2022.
- (iii) Pekongsi masing-masing membawa masuk RM3 000 tunai ke bank perkongsian pada 1 Julai 2021.
- (iv) Sewa Belum Terima RM400.
- (v) Pulangan barang niaga salah jenama oleh pelanggan RM250 masih belum direkod di dalam mana-mana buku.
- (vi) Peruntukan Hutang Ragu diwujudkan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vii) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:
 - Lengkapan 5% setahun atas kos
 - Perabot 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- (viii) Ambilan barang niaga telah dibuat oleh pekongsi pada tarikh berikut dan belum direkodkan:
 - Khairil RM2 000 pada 31 Mac 2021
- (ix) Gaji Afiq telah dibayar RM1 000 dan tersalah catat ke Akaun Gaji pekerja.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [11 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [4 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) [3 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 [7 markah]

[Lihat halaman sebelah

3. Kelab Hoki Putra ditubuhkan lima tahun yang lalu. Pada 1 Januari 2021, Kelab ini mula mengusahakan kafe yang menjual pelbagai minuman sebagai aktiviti sampingan. Aset dan liabiliti kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	1 Jan 2021	31 Dis 2021
	RM	RM
Inventori Kafe	445	845
Bangunan Kelab (kos)	95 000	95 000
Alatan Sukan	8 800	10 500
Akaun Belum Bayar	250	180
Yuran Belum Terima	165	230
Yuran Belum Terperoleh	95	?
Kadar Bayaran Belum Bayar	150	250
Belanja Am Prabayar	-	70
Dana Terkumpul	110 065	?

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Baki b/b	6 150	Hadiah Kejohanan Hoki	1 200
Yuran Ahli 2020	100	Alat Tulis	40
Yuran Ahli 2021	3 550	Kadar Bayaran	250
Yuran Ahli 2022	220	Alatan Sukan	2 400
Yuran Pendaftaran	1 200	Belian Minuman	755
Kutipan Kejohanan Hoki	2 500	Belanja Am	180
Derma	2 000	Honorarium	450
Hasil Jualan Minuman	3 020	Surat Khabar	120
		Upah Pekerja Kafe	500
		Akaun Belum Bayar	1 355
		Lesen Perniagaan	140

Maklumat tambahan:

- Yuran tahun 2020 yang masih belum diterima dihapuskan sebagai yuran lapuk
- Derma yang diterima adalah untuk membeli alatan sukan
- Pulangan belian kafe RM130
- 40% daripada jumlah kadar bayaran adalah untuk kegunaan kafe
- Bangunan disusutnilaikan pada kadar 3% setahun menggunakan kaedah garis lurus

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran [4 markah]
- Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- Akaun Perdagangan Kafe bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [4 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [9 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 [5 markah]

[Lihat halaman sebelah]

4. (a) Buku Tunai Seroja Enterprise menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Januari 2022. Berikut adalah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

<p style="text-align: center;">Bank Perwira Berhad No 87, Jalan Sejahtera, 25050 Kuantan, Pahang.</p> <p>Seroja Enterprise, Lot 48 Jalan Muhamad, 25000 Kuantan, Pahang.</p> <p>No. Akaun: 0303-0000-546-308 Tarikh : 31 Januari 2022</p>					
Tarikh	Butir	No.Cek	Debit	Kredit	Baki
2022			RM	RM	RM
Jan 1	Baki b/b				(1 315)
2	Deposit			506	(809)
5	Cek	510041	860		(1 669)
9	Cek cawangan sendiri			330	(1 339)
10	Cek	510042	2 700		(4 039)
13	Sewa-perintah sedia ada		600		(4 639)
14	Cek	510040	350		(4 989)
15	Deposit			640	(4 349)
16	Dividen-Syt TG Bhd			1 200	(3 149)
17	Cek	510043	1 090		(4 239)
19	Cek	510044	405		(4 644)
22	Cek	510045	622		(5 266)
27	Cek	510047	256		(5 522)
28	Deposit			7 000	1 478
29	Deposit			3 325	4 803

Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No.Cek	Jumlah
2022		RM	2022			RM
Jan 2	Jualan	506	Jan 1	Baki b/b		1 665
4	Komisen	330	3	Belian	510041	860
7	Kedai Adam	1 400	8	Perabot	510042	2 700
13	Jualan	640	12	Syarikat Naza	510043	1 900
20	Pasar Raya		16	Promosi	510044	405
	Makmur	704	17	Belian	510045	622
25	Sakti	7 000	21	Perniagaan Zaki	510046	3 280
	Enterprise					
29	Jualan	3 325	23	Kadar Bayaran	510047	256
			29	Gaji	510049	1 000
			31	Baki h/b		1 217
		13 905				13 905
Feb1	Baki b/b	1 217				

[Lihat halaman sebelah]

Maklumat tambahan:

- (1) Cek yang diterima pada 20 Januari 2022 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".
- (2) Cek bernombor 510043 dikenal pasti berlaku kesilapan di Buku Tunai.

Anda dikehendaki :

- (i) Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank) [5 markah]
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2022 [4 markah]

- (b) Perniagaan D'Sera ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di Kuantan, Pahang. Berikut adalah baki-baki aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan pada 31 Ogos 2022.

	RM
Perabot	5 520
Inventori	17 760
Akaun Belum Terima	5 660
Bank	7 820
Modal	31 140
Akaun Belum Bayar	5 620

Urus niaga sepanjang bulan September 2022 adalah seperti berikut:

- (i) Membeli barang niaga RM1 200 secara kredit daripada Syarikat YTY.
- (ii) Menerima RM1 900 daripada Akaun Belum Terima dan daripada jumlah ini, RM1 000 telah digunakan untuk menjelaskan hutang Akaun Belum Bayar dan bakinya dibankkan.
- (iii) Menjual separuh daripada inventori secara kredit kepada Tun Enterprise pada harga RM10 500.
- (iv) Menerima sekeping cek bernilai RM400 kerana telah menyewakan sebahagian ruang kedai untuk jualan minuman.
- (v) Membayar RM4 400 kepada pembekal dengan cek. Terima diskaun RM240.
- (vi) Pemilik mengambil barang niaga RM500 untuk didermakan kepada rumah kebajikan.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan perakaunan di **Lampiran A.**
[11 markah]

[Lihat halaman sebelah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

5. Maklumat berikut merupakan butir-butir operasi Kilang Beras Basmathi Jaya pada tahun 2021 dan 2022.

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Hasil	Jumlah Kos
2021	68 000	RM340 000	RM304 000
2022	70 000	RM350 000	RM310 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap pada kedua-dua tahun adalah malar.

Berdasarkan jadual di atas, **anda dikehendaki** :

- (a) menghitung :
- (i) Kos Berubah Seunit [2 markah]
 - (ii) Kos Tetap [2 markah]
 - (iii) Harga Jualan Seunit [2 markah]
 - (iv) Titik Pulang Modal untuk tahun 2022 dalam unit dan RM. [4 markah]
 - (v) Untung atau rugi jika 43 000 unit dijual. [2 markah]
 - (vi) Unit yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM 40 000 dengan andaian bahawa harga jualan seunit akan meningkat sebanyak RM 2.00. [2 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan anda di (a)(iv) , **anda dikehendaki menyediakan** graf Titik Pulang Modal di **Lampiran B** dengan menggunakan skala seperti berikut:

paksi x - 1 cm = 5 000 unit
 paksi y - 1 cm = RM25 000

dan tunjukkan pada graf (b) :

- (i) Garisan Kos Tetap , garisan Jumlah Hasil , garisan Jumlah Kos
- (ii) Titik Pulang Modal
- (iii) Kawasan untung (lorekkan) [6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

6.

Gemilang Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (petikan)			
	Kos RM	Susut Nilai Terkumpul RM	Nilai Buku RM
Aset Bukan Semasa			
Lengkapan	20 000	(2 000)	18 000
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	12 000		
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	<u>600</u>		
		11 400	
Insurans prabayar		300	

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021:

- Insurans tahunan berjumlah RM2 250. Jumlah insurans yang telah dibayar ialah RM2 400.
- Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 berjumlah RM8 000. Peruntukan Hutang Ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 5% daripada Akaun Belum Terima.
- Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Pada 1 Julai 2021, sebuah lengkapan baru bernilai RM3 000 telah dibeli dengan cek.
- Pada 31 Disember 2021, semua lengkapan lama telah dijual secara tunai dengan harga RM12 000.

Anda dikehendaki menyediakan:


- | | |
|---|------------|
| (a) Akaun Insurans | [4 markah] |
| (b) Akaun Peruntukan Hutang Ragu | [3 markah] |
| (c) Akaun Lengkapan | [3 markah] |
| (d) Akaun Susut Nilai Berkumpul Lengkapan | [4 markah] |
| (e) Akaun Pelupusan Lengkapan | [4 markah] |
| (f) Akaun Untung atau Rugi atas Pelupusan | [2 markah] |

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]

Urus niaga	ASET				LIABILITI + EKUITI PEMILIK			
	Perabot	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung bersih	Ambilan
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki b/b								
(i)								
(ii)								
(iii)								
(iv)								
(v)								
(vi)								
Jumlah								

[Lihat halaman sebelah



[Lihat halaman sebelah